

02/09/1997

Kelantan sukar laksana projek swasta tanpa BN

KUALA LUMPUR, Isnin - Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Kelantan dan swasta termasuk Koperasi Usaha Bersatu (KUB) dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), memerlukan prasyarat lain untuk dijayakan sepenuhnya, kata Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa.

Menurutnya, banyak prasyarat lain termasuk memulangkan kembali pemerintahan negeri itu kepada BN bagi membolehkan projek terbabit dilaksanakan sepenuhnya.

Sebagai contoh, katanya, pembangunan tanah menjadi sukar dan membawa banyak masalah lain seperti berlaku ketika pembangunan hidroelektrik di Pergau, Jeli dan Kesedar, Gua Musang, kerana urusan tanah di bawah kerajaan negeri.

Beliau berkata, pelaburan jangka panjang juga memerlukan kestabilan politik bagi meyakinkan pelabur.

"Sesiapa yang melihat perkembangan ini, khususnya kemenangan BN di Semerak, boleh menandatangani MoU dengan Kelantan supaya pada 1999 iaitu apabila BN memerintah Kelantan projek itu dapat dibangunkan.

"Deklarasi Semerak yang diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan hasrat untuk menakluki kembali Kelantan pada pilihan raya umum akan datang," katanya kepada pemberita selepas majlis kesyukuran menyambut Pengkorporatan Felcra di sini, hari ini.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Husam Musa, ketika berceramah di Semerak, Pasir Puteh baru-baru ini berhujah rakyat tidak memerlukan BN lagi kerana Pas boleh memajukan Kelantan dengan usaha sama kerajaan Pusat dan korporat seperti MoU dengan KUB dan MRCB.

Pas melalui Keloil Sdn Bhd menandatangani MoU dengan KUB Holdings Bhd iaitu anak syarikat milik penuh Umno bagi membangunkan projek petrokimia di Pantai Senak, Bachok.

(END)